



PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL.2 TAHUN 2016

**PENAMBAHBAIKAN FAEDAH PERUBATAN KEPADA STAF ATAU ANAK
KELAINAN UPAYA**

PENAMBAHBAIKAN FAEDAH PERUBATAN KEPADA STAF ATAU ANAK KELAINAN UPAYA

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini disediakan untuk memberi penjelasan kepada staf berkaitan penambahbaikan faedah perubatan kepada staf atau anak kelainan upaya.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kadar semasa bagi bayaran Klinik Panel kepada staf atau keluarga (pasangan dan anak-anak sahaja) adalah RM35.00 / rawatan.
- 2.2 Pengurusan Universiti telah meluluskan kenaikan kadar rawatan klinik panel bagi staf atau Anak Kelainan Upaya yang berdaftar dengan Universiti.
- 2.3 Kadar bagi OKU dinaikkan bagi meringankan beban staf kerana kesihatan anak-anak OKU sering terjejas akibat dari imunisasi mereka yang lemah berbanding anak-anak yang normal.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1. Semua **staf lantikan tetap dan kontrak yang kelainan upaya atau yang mempunyai anak kelainan upaya** layak menikmati kemudahan ini.
- 3.2. Kadar baharu yang diluluskan adalah terhad kepada RM50.00 / rawatan sahaja.
- 3.3. Kemudahan ini dinikmati oleh staf semasa dalam tempoh perkhidmatan dengan UMP sahaja.

4.0 TINDAKAN OLEH KETUA JABATAN (PTJ)

Ketua Jabatan adalah dipohon untuk memaklumkan dan mengedarkan pekeliling ini kepada staf di PTJ masing-masing.

5.0 TINDAKAN OLEH STAF

Mengemukakan dokumen-dokumen sokongan berkaitan kecacatan staf atau anak kepada Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pendaftar.

6.0 TINDAKAN OLEH BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN, JABATAN PENDAFTAR

- 6.1. Merekodkan dan memfailkan dokumen-dokumen sokongan daripada staf;
- 6.2. Mengemaskini maklumat kecacatan dalam sistem klinik panel; dan
- 6.3. Mengemukakan satu (1) salinan dokumen sokongan kepada Bahagian Sumber Manusia untuk dikemaskini dalam IMS-HR.

7.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **1 April 2016**.

Disediakan oleh ;

Jabatan Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang